

PANDEMIK COVID-19 MEMPERKAYA AKRONIM BAHASA MELAYU

Mary Fatimah SUBET*¹,

Roslan ALI²

Salbia HASSAN³

Dayang Sariah ABANG SUHAI⁴

Muhammad Zaid DAUD⁵

Shahira JOHAN⁶

^{1,2,3,4,5} Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia

⁶Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia

¹sufatimah@unimas.my

²aroslan@unimas.my

³hsalbia@unimas.my

⁴asdsariah@unimas.my

⁵zaid_daud93@yahoo.com

⁶shahira.j97@gmail.com

**Corresponding author*

ABSTRAK

Beberapa akronim terkini telah wujud apabila dunia dilanda pandemik COVID-19. Kajian ini bertujuan untuk mengesan dan mengetengahkan beberapa akronim baharu dalam bentuk singkatan yang muncul dalam usaha Kerajaan Malaysia membendung penularan COVID-19. Kajian ini ialah kajian kualitatif menggunakan kerangka pengkategorian akronim yang telah dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et.al (2014). Data diperoleh melalui mesej pesanan ringkas (SMS) pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) Malaysia. Sebanyak 200 kongsi maklumat SMS kepada umum daripada pihak MKN antara 30 April 2020 hingga 26 Mei 2021 kepada pengguna talian telco dianalisis di samping kaedah pemerhatian informasi di laman sesawang dan kongsi siaran berita terpilih turut dilakukan untuk mengenal pasti data kajian yang mengandungi akronim. Seterusnya borang soal selidik dirangka untuk melengkapkan dapatan kajian. 152 orang responden telah terlibat menjawab soal selidik ini atas talian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat akronim popular seperti PKP, PKBP, PKPD, SOP, 3S, 3W, 3C dan beberapa lagi berkaitan COVID-19 yang telah berakar kukuh dalam ujaran bahasa seharian masyarakat Malaysia dalam membicarakan pandemik COVID-19. Akronim-akronim ini yang sekarang didapati digunakan secara meluas diharap dapat memperkaya dan menambah akronim sedia ada dalam Bahasa Melayu.

Kata Kunci: COVID-19;,akronim;,Bahasa Melayu;,mesej pesanan ringkas (SMS)